

## **PENGUKUHAN KEPERIBADIAN PELAJAR MUSLIM MELALUI SERVICE-LEARNING**

*(Strengthening The Personality of Muslim Students Through Service-Learning)*

NORAIN AZLAN & NAJAH NADIAH AMRAN\*

### ABSTRAK

*Service-Learning (S-L) menawarkan pengalaman pembelajaran yang bermakna secara teori dan praktikal melalui usaha berkhidmat untuk masyarakat bagi memenuhi keperluan mereka. Islam memandang memberi khidmat kepada komuniti sebagai salah satu amalan terbaik. Oleh itu nilai-nilai yang dipupuk melalui S-L bukanlah suatu yang terpisah daripada elemen agama. Makalah ini meneroka impak dan pengalaman pembelajaran S-L yang telah dilalui oleh pelajar bidang pengajian Islam dari Fakulti Pengajian Islam (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia. Ia menganalisis maklumbalas bertulis yang diberikan oleh peserta yang telah menjawab dua soalan terbuka dalam soalselidik. Seramai 256 peserta kajian telah menjawab soalselidik dan juga soalan terbuka tersebut. Data yang dikumpul diproses secara tematik menggunakan perisian ATLAS.Ti. Terdapat tiga tema utama yang dikeluarkan daripada jawapan peserta menunjukkan bahawa khidmat yang diberikan menunjukkan Islam bersifat syumul, kasih sayang dan agama dakwah. Antara penekanan personaliti positif yang terbentuk adalah rasa persaudaraan, keinginan untuk membantu orang lain serta rasa kesyukuran. Dari segi praktikalnya, teori-teori Islam yang diperolehi dalam bilik kuliah dapat dilaksanakan dan dikongsi di lapangan masyarakat untuk manfaat yang lebih besar bagi memenuhi keperluan sebenar. Justeru, kajian ini mencadangkan agar, amalan S-L diterapkan secara sistematik di dalam pembelajaran di institusi pengajian tinggi untuk tujuan menghasilkan graduan Muslim yang holistik dan tersedia bagi berkhidmat kepada masyarakat.*

*Kata Kunci: Amalan Pembelajaran Berimpak Tinggi; Pengajian Islam; Service Learning*

### ABSTRACT

*Service-Learning (S-L) offers a meaningful learning experience in theory and practice through efforts to serve the community to meet their needs. Islam views serving the community as one of the best practices. Therefore, the values fostered through S-L are not separate from religious elements. This paper explores the impact and experience of S-L learning that has been experienced by students of Islamic Studies Programme from the Faculty of Islamic Studies (FPI), Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia. It analyzes the written responses provided by participants who have answered two open-ended questions in the questionnaire. A total of 256 participants have answered the survey and also the open-ended questions. The collected data were processed thematically using ATLAS.Ti software. There are three main themes that emerge from the participants' answers showing that the services provided show that Islam is a religion of holistic,*

*mercy and da'wah (invitation). Among the emphasis of the positive personality that is formed from the S-L activities are the sense of brotherhood, the desire to help others and the sense of gratitude. In terms of practicality, Islamic theories obtained in the lecture room can be implemented and shared in the community for greater benefits to meet real needs. Thus, this study suggests that S-L practices are systematically applied in learning in institutions of higher learning for the purpose of producing Muslim graduates who are holistic and available to serve the community.*

*Keywords: High Impact Educational Practices; Islamic Studies; Service Learning.*

## PENGENALAN

*Service-Learning* (S-L) mewakili kaedah penyampaian yang berpusatkan pelajar. Ia dibentuk melalui pengalaman mereka menjalani aktiviti pembelajaran berasaskan khidmat di lapangan masyarakat (Eyler & Giles 1999; Prasart Nuangchalem 2014). Pembelajaran melalui pengalaman bertujuan melibatkan individu secara aktif (Furco & Shelley 2002) dan ia merujuk kepada pengalaman pendidikan yang disusun secara berstruktur (Steinke & Fitch 2007; Seifer & Connors 2007). S-L telah disenaraikan sebagai satu kaedah juga amalan pengajaran dan pembelajaran melalui perkhidmatan yang berimpak tinggi (HIEP – *High Impact Educational Practice*) di universiti-universiti terkemuka dunia (Kamisah 2011; Najah Nadiah & Hamdi 2017; Haziyah et al. 2021). Ini kerana kaedah ini menyediakan peluang yang berharga kepada pelajar untuk melalui pembelajaran berdasarkan pengalaman dunia nyata.

Secara teori, pendidikan dilengkapi oleh amalan praktikal dalam meningkatkan proses pemerhatian, pemikiran dan pengetahuan (Abdul Rahim 2011). Pengalaman yang diperolehi tersebut akan memberi kesan pada masa akan datang (Mazuki 2011). Kesan tersebut akan mempengaruhi dalam bentuk positif atau pun negatif. Segala bentuk pengalaman yang dilalui dan dialami oleh seseorang individu atau pelajar akan dipindahkan dalam bentuk pengetahuan yang akan menghasilkan pembelajaran yang berkualiti dan bermakna kepada mereka yang melaluinya (Mazuki 2011; Furco & Billig 2002).

Begitu juga dengan elemen yang diterapkan di dalam amalan pembelajaran S-L, yang mementingkan pengalaman dan penglibatan sebenar pelajar di lapangan (Aliyu et al. 2015), pengalaman tersebut diperolehi sama ada daripada pengalaman pembelajaran lalu (Mazuki 2011) dan di bawa kepada aktiviti lapangan, seterusnya memperkukuhkan pengetahuan dan mempengaruhi keperibadian pelajar secara positif (McPherson 1996; Eyler & Giles 1999; Anon 2002; Seifer & Connors 2007). Bahkan, S-L menawarkan pengalaman pembelajaran yang bermakna secara teori dan praktikal melalui berkhidmat untuk masyarakat (Norain et al. 2020; Najah Nadiah et al. 2018; Norain et al. 2021).

Pendidikan dalam sejarah Islam menekankan dan menyaksikan pengalaman seseorang dalam perjalanan mendapatkan ilmu pengetahuan membangunkan peribadi muslim yang berkualiti. Contohnya, Anas bin Malik R.A. iaitu seorang hamba juga sahabat Rasulullah SAW yang telah dihantar oleh ibunya untuk memberi khidmat kepada Baginda selama 10 tahun (Rusydi 2012). Begitu juga dengan pengalaman berkhidmat yang dilalui oleh Anas bin Malik R.A. yang telah mempengaruhi peningkatan terhadap pengetahuannya (Najah Nadiah & Hamdi 2017), sehingga beliau adalah salah seorang pakar rujuk dalam masyarakat Muslim pada zaman beliau selepas kewafatan Nabi SAW, malahan masyarakat muslim ketika itu berpegang dengan

pandangan beliau sekiranya mereka tidak mampu memahami sesuatu hukum. Anas bin Malik R.A. juga merupakan perawi ketiga yang terbanyak meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW (al-Basha 2006), perkara ini jelas menunjukkan bahawa pengalaman berkhidmat yang diberikan kepada Rasulullah SAW menjadikan beliau seorang yang berpengetahuan dalam hukum-hukum agama Islam serta membentuk peribadi muslim yang mulia.

Justeru, S-L dilihat sebagai salah satu kaedah pembelajaran yang menyediakan ruang untuk berkhidmat dalam masyarakat serta meningkatkan keintelektualan pelajar serta membangunkan peribadi yang positif dalam diri mereka. Sekiranya dilihat dari sudut persepsi pelajar, sejauh manakah pembelajaran melalui S-L memberi kesan kepada pembangunan diri mereka dan adakah ia ada kaitann dengan ajaran agama Islam dan bidang pengajian Islam yang diambil oleh mereka?

## KAJIAN LEPAS

S-L disenaraikan sebagai salah satu amalan pembelajaran berimpak tinggi dan merupakan pedagogi pembelajaran transformatif iaitu pembelajaran berasaskan pengalaman dan perkhidmatan (Najah Nadiah et al. 2018). Dalam mempertingkatkan kualiti pendidikan tinggi di Malaysia, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah dilancarkan pada tahun 2015. Hasrat PPPM PT adalah untuk melahirkan graduan Malaysia insan mulia yang memiliki ilmu pengetahuan, akhlak dan tingkahlaku terpuji, set minda yang sihat serta beradab. Mereka inilah bakal menjadi warga sejagat dengan jatidiri Malaysia yang menyerlah, serta sentiasa bersedia dan sanggup untuk berkorban demi keharmonian dan kesejahteraan keluarga, masyarakat, negara dan sejagat' (Kementerian Pengajian Tinggi 2015). S-L dalam kontek Pendidikan Tinggi di Malaysia merujuk kepada:

“Pembelajaran berasaskan perkhidmatan ialah bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman yang berlaku melalui satu kitaran tindakan dan refleksi apabila pelajar menerapkan perkara yang dipelajari mereka untuk menangani keperluan komuniti sebenar” (KPT 2015)

Antara contoh menunjukkan proses pembelajaran tersebut seperti pelajar kejuruteraan yang bekerjasama dengan pihak komuniti tempatan di sesebuah lokasi atau kampung untuk menambah baik kemudahan bekalan air, sanitasi, sistem perparitan, bekalan elektrik dan lain-lain. Semasa proses perkhidmatan tersebut pelajar belajar menangani isu kompleks dalam dunia sebenar yang menjadi keperluan masyarakat. Proses pembelajaran ini mendedahkan pelajar kepada pelbagai perspektif dan pengalaman baharu yang mungkin tidak biasa bagi mereka mencabar kelaziman mereka yang biasa berada di fakulti, makmal, perpustakaan dan ekosistem pembelajaran dalam kampus semata-mata. Selain itu, “pembelajaran berasaskan perkhidmatan mencabar pelajar supaya bukan sekadar mencapai keberhasilan sebenar untuk masyarakat tetapi juga memperdalam pemahaman mereka tentang diri sendiri dan komuniti” (KPT 2015).

### Definisi dan Matlamat Pembelajaran S-L

S-L secara umumnya adalah kaedah pengajaran dan pembelajaran yang ditawarkan kepada semua peringkat pengajian bagi mencapai objektif pembelajaran melalui penglibatan dalam komuniti bagi menyelesaikan masalah yang mereka alami. Dalam mendefinisikan S-L juga sebahagian pengkaji dan pengamal S-L mengaitkan amalan ini sebagai salah satu bentuk pengajaran dan pembelajaran (McPherson 1996; Kamisah 2011; Ellis 2013; Paul & David 2013; Najah Nadiah et

al. 2016; Najah Nadiah & Hamdi 2017). Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia mendefinisikan *S-L* sebagai:

“Pembelajaran berasaskan perkhidmatan iaitu bentuk pembelajaran berasaskan pengalaman yang berlaku melalui satu kitaran tindakan dan refleksi apabila pelajar menerapkan perkara yang dipelajari mereka untuk menangani keperluan komuniti sebenar”

(Kementerian Pengajian Tinggi 2015)

Matlamat *S-L* adalah bagi memenuhi keperluan komuniti (Burns 1998; Essential *S-L* Resources Guide 2002; Steinke & Fitchy 2007; Najah Nadiah & Hamdi 2017). Ini bermakna tujuan *S-L* adalah menyelesaikan masalah yang dialami oleh masyarakat. Oleh itu, sebelum melaksanakan aktiviti pembelajaran tersebut pelajar dan pembimbing mereka hendaklah mengkaji dan mengenal pasti apakah masalah yang dihadapi dan merancang bagaimanakah teori ilmu yang dipelajari dalam bilik kuliah dapat merungkai dan menyelesaikan masalah tersebut.

### Persepsi Pelajar Terhadap Pengalaman Pembelajaran *S-L*

Kajian dijalankan mendapati pelajar yang telah menyertai *S-L* mengakui bahawa mereka telah merasakan kesan yang positif dari sudut pembentukan keperibadian, tingkah laku, prihatin, nilai-nilai yang baik serta peningkatan terhadap motivasi diri (Maharam et al. 2018). Begitu juga dengan kajian yang dijalankan oleh Siti Manisah et al. (2020) yang menganalisis secara tematik pengalaman *S-L* yang telah dilalui pelajar sarjana UTM, di mana mereka mengesahkan bahawa manfaat yang diperolehi dapat dikategorikan kepada (a) aspek pencapaian akademik yang lebih baik, (b) penglibatan dalam aktiviti yang memupuk kesedaran sivik, dan (c) pembangunan peribadi pelajar setelah mereka terlibat dalam *S-L* dalam satu tempoh tertentu.

Dari segi akademik, *S-L* meningkatkan kefahaman terhadap kursus atau mata pelajaran yang diambil, menumbuhkan minat dan meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi. Manakala dari aspek kesedaran sivik pula, pelajar yang terlibat dapat merasakan lebih bertanggungjawab, menghargai dan mempunyai persepektif baharu. Mereka mendapati pandangan dan penerimaan mereka terhadap diri sendiri serta kehidupan di sekeliling turut berubah. Selain itu mereka dapat mengasah kemahiran insaniah seperti keyakinan diri, bekerjasama dalam kerja berpasukan serta membentuk sifat kepimpinan (Najah Nadiah & Hamdi 2017; Maharam et al. 2018; Siti Manisah et al. 2020).

Perubahan-perubahan yang dijelaskan ini disokong oleh kajian Norlaile et al. (2018) yang memperincikan kesan yang positif kepada pelajar dari sudut perkembangan kognitif dan pembangunan diri mereka. Keseluruhan kajian di atas telah meninjau persepsi pelajar terhadap perubahan dalam diri, akademik, kemahiran dan kesedaran sivik. Walau bagaimanapun keberkesanan amalan ini terhadap agama kurang mendapat penekanan. Ini dibuktikan melalui hanya 3 kajian sahaja yang dijalankan berkaitan amalan ini dalam dari sudut pandang agama iaitu kajian yang dijalankan oleh Maznah et al. (2014), Najah dan Hamdi (2017) dan Norain et al. (2021) yang menyinggung aspek agama Islam sebagai pemangkin kepada khidmat dan perubahan.

### Agama Sebagai Pemangkin dalam Berkhidmat

Islam memandang memberi khidmat kepada komuniti sebagai amalan baik. Seorang Muslim yang melakukan khidmat menunjukkan bahawa dia telah melakukan pengabdian kepada Allah SWT

melalui amalan kebajikan (Maznah et al. 2014). Hal ini selari dengan firman Allah SWT, maksudnya:

“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.”

(al-Quran, Surah Ali‘Imraan, 3:104)

Ayat ini menyeru kepada seluruh Muslim untuk melaksanakan amal kebajikan, menjalankannya tanggungjawab *amr ma'ruf* dan *nahi mungkar* sesuai dengan kemampuan masing-masing. Abdul Hayei (2011) menjelaskan bahawa perbuatan atau amalan *amr ma'ruf* dan *nahi mungkar* membuka ruang untuk menyelamatkan masyarakat dari kehancuran, perpecahan dan kebinasaan. Dalam proses membangunkan tamadun dan masyarakat, menuntut ilmu dianggap sebagai salah satu cara yang penting. Ini kerana usaha menuntut ilmu bukan sahaja untuk membangunkan keupayaan diri tetapi membangunkan masyarakat dan memakmurkan dunia ini (Muhammad Faizal et al. 2013). Oleh itu, menjadi salah satu tugas sesama manusia untuk membawa dan memperingatkan di antara satu sama lain demi kebaikan. Ini kerana manusia adalah makhluk sosial yang belajar dari contoh, pengalaman, dan persekitaran (Sidek Baba 2006). Islam memandang pendidikan bukan sahaja suatu proses memindahkan maklumat, data, pengetahuan, tetapi pendidikan melibatkan usaha-usaha dalam membuat perubahan (transformasi) terhadap diri manusia (Abdul Rahim 2011) melalui kebijaksanaan dan keintelektualan dan pengetahuan yang mantap, ianya juga merupakan sumber disiplin diri dan moral yang baik (Maznah et al. 2014).

Beberapa kajian terdahulu telah meninjau hubungan keagamaan dengan amalan dan perlaksanaan S-L di institusi pendidikan. Kajian tersebut meninjau hubungan agama lain seperti agama Kristian (Lavery 2007; Radecke 2007) dan Buddha (Adams & Kecskes 2020) dan kesan-kesannya ke atas pelajar yang melalui pengalaman S-L. Kajian Lavery (2007) mendapati peserta pelajar yang terlibat dalam aktiviti S-L menekankan dua nilai dalam agama kristian yang diperolehi. Pertama kesedaran sosial dan kedua perubahan positif yang berlaku dalam diri mereka. Kesedaran sosial tersebut dikaitkan dengan rasa tanggungjawab agama mereka bagi mewujudkan rasa kebersamaan, kasih sayang dan membantu orang lain. Manakala perubahan diri yang dijelaskan adalah berkaitan kesedaran agama dan rasa kesyukuran yang timbul setelah mereka terlibat dengan golongan tertentu seperti orang kurang upaya, banduan, gelandangan dan mereka yang miskin. Kajian Radecke (2007) juga meneroka persepsi pelajar beragama kristian dalam jurusan agama tersebut dan kesan S-L ke atas kehidupan spiritual dan pembentukan kepercayaan. Kajian tersebut menemui hubungan antara psikologi dan teologi setelah pelajar menjalankan aktiviti S-L dalam tempoh pendek yang menekankan keperibadian dan nilai kemanusiaan yang bertuhan melalui sumbangan bermakna kepada insan lain dan persekitaran. Kajian terkini berkaitan agama Buddha dan impak S-L diteroka oleh Adams dan Kecskes (2020) yang meninjau S-L sebagai strategi bagi pembangunan spiritual, hubungan dengan komuniti, ruang dan latihan dalam menghadapi cabaran.

Dalam Islam, khidmat yang diberikan kepada orang lain bertujuan menyebarkan kebaikan dan ia menjadi tanggungjawab dalam diri setiap Muslim. Sifat seperti ini penting untuk dipupuk ke dalam jiwa pelajar muslim. Kajian berkaitan persepsi pelajar selepas S-L antaranya telah dijalankan oleh Maznah et al. (2014) telah meneliti pengalaman yang dilalui oleh pelajar Ijazah Sarjana Muda di sebuah universiti di Malaysia yang melaksanakan projek S-L kepada masyarakat tempatan. Projek perkhidmatan kepada komuniti diakui oleh pelajar bahawa dengan memberi

khidmat kepada orang lain menjadikan mereka lebih peka dan bertanggungjawab terhadap masyarakat sekitar. Bahkan projek menghubungkan kebajikan Islam dengan komuniti global melalui keprihatinan yang dipupuk oleh mereka.

Kajian Najah Nadiyah dan Hamdi (2017) pula menyelidik pengalaman pelajar Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia memberi khidmat kepada golongan Orang Kurang Upaya semasa mereka menjalani latihan amali industri. Kajian Norain et al. (2021) juga menunjukkan perubahan yang positif dalam diri pelajar fakulti berkenaan selepas mereka menyelesaikan tugas di lapangan. Kedua-dua kajian tersebut menekankan bahawa S-L merupakan sebahagian daripada pendekatan PdP yang berasaskan daripada panduan wahyu al-Quran dan Sunnah Nabi SAW. Bukti daripada refleksi pelajar menjelaskan bahawa S-L memberi impak yang positif kepada diri mereka kerana ia membawa perubahan dari segi mengaplikasikan ilmu agama yang diperolehi, memupuk pemikiran baru, mempelajari cara untuk menyelesaikan masalah, serta memupuk nilai-nilai sosial seperti nilai empati dan kebertanggungjawaban sosial. Selain itu Norain et al. (2021) menjelaskan hubungan agama dengan S-L melalui kaji selidik beliau khususnya dalam menerapkan ajaran dan nilai agama dalam diri pelajar pelaksana dan juga masyarakat yang menerima khidmat yang diberikan. Kajian tersebut menyenaraikan terdapat empat nilai murni yang ditekankan oleh agama Islam telah diperolehi oleh para pelajar sepanjang dan selepas menyelesaikan projek komuniti S-L. Nilai-nilai tersebut terdiri dari (a) nilai kebertanggungjawaban terhadap masyarakat, (b) persefahaman dalam hubungan sesama insan, (c) latihan dalam memberikan komitmen terbaik terhadap tugas, (d) akhlak mulia yang membentuk kesabaran dan keinsafan dalam diri. Artikel ini meninjau persepsi pelajar terhadap pengalaman S-L dan kaitannya dengan ajaran agama Islam dan bidang pengajian Islam yang diambil di peringkat pengajian tinggi.

## METODOLOGI KAJIAN

Satu soal selidik telah diedarkan kepada 256 peserta kajian (R-peserta kajian) (19.6 %, lelaki dan 80.4%, perempuan) yang terdiri daripada pelajar prasiswazah dan sarjana di Fakulti Pengajian Islam, (FPI), UKM. Set soalan soal selidik tersebut telah dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian A berkaitan demografi peserta kajian, bahagian B pula mengandungi soalan berkaitan tahap pelaksanaan amalan pembelajaran S-L di FPI, UKM, manakala bahagian C adalah berkaitan impak amalan pembelajaran tersebut ke atas mereka, dan bahagian D mengandungi dua soalan terbuka (*open-ended question*) berkaitan pengalaman dan maklumat tambahan S-L yang ingin dikongsikan. Tujuan soalan bahagian D tersebut diutarakan adalah bagi mendapatkan data tambahan secara lebih mendalam terhadap pengalaman yang dilalui oleh peserta kajian semasa proses pembelajaran. Tema-tema Islam dan perkaitannya dengan amalan pembelajaran S-L telah timbul setelah meneliti jawapan bertulis yang diberikan oleh peserta kajian.

Data yang dikumpul diproses secara tematik menggunakan perisian ATLAS.Ti. Terdapat tiga tema utama berkaitan hubungan S-L dengan agama Islam yang dapat disenaraikan iaitu (a) S-L yang dijalankan dapat menonjolkan ciri-ciri agama Islam; (b) S-L dapat menerapkan akhlak muslim yang baik dalam kalangan pelajar pelaksana dan (c) S-L mempraktik ilmu agama bagi memenuhi keperluan masyarakat. Bagi tema penonjolan ciri-ciri agama Islam terdapat empat sub-tema berkaitan iaitu (i) S-L adalah sebahagian ibadah; (ii) Penonjolan Islam agama syumul; (iii) Penonjolan Islam agama rahmat dan (iv) Penonjolan Islam agama dakwah. Manakala sub-tema bagi tema kedua (pembentukan akhlak mulia) pula terbahagi kepada tiga perincian berikut (i) S-L


memupuk rasa keimanan dan kebersamaan melalui hubungan silaturahmi (ii) S-L menerapkan amalan saling menolong sesama Muslim dan (iii) S-L menjadi medan latihan diri untuk bermuhasabah. Sub-tema bagi tema ketiga juga terbahagi kepada tiga sub-tema baharu iaitu S-L menghubungkan ilmu dengan agama melalui (i) pelaksanaan teori; (ii) perkongsian dan (iii) memberikan manfaat kepada orang ramai.

JADUAL 1: Tema dan Sub-tema berkaitan Islam dalam Pelaksanaan S-L

<i>Bil</i>	<i>Tema</i>	<i>Sub-tema</i>
1	Ciri-ciri Islam	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebahagian ibadah</li> <li>2. Islam agama yang syumul</li> <li>3. Islam agama rahmat</li> <li>4. Islam agama dakwah</li> </ol>
2	Peribadi Muslim/Akhlak mulia	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hubungan silaturahmi</li> <li>2. Saling membantu</li> <li>3. Insaf</li> </ol>
3	Praktikal ilmu agama	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Aplikasi teori</li> <li>2. Perkongsian ilmu dan kemahiran</li> <li>3. Manfaat untuk masyarakat</li> </ol>

### HASIL DAPATAN

Daripada 265 peserta kajian, 77 orang (29.06%) menekankan tentang penonjolan ciri-ciri agama Islam. 137 orang (51.70%) menyatakan bahawa S-L menerapkan keperibadian akhlak Muslim manakala 18 orang (6.79%) menekankan tentang perkaitan ilmu yang dipelajari dengan agama Islam dan tanggungjawab dalam memenuhi keperluan masyarakat. Namun begitu, terdapat 33 orang peserta kajian (12.45%) dari jumlah keseluruhan sampel yang tidak memberikan apa-apa maklum balas terhadap soalan ini. Perkara ini dijelaskan di dalam rajah 1 di bawah.



Rajah 1 Nilai Peratusan Persepsi Peserta kajian Berkaitan S-L Menurut Agama Islam

## Keperibadian Muslim: S-L Membentuk Akhlak Mulia Pelajar

Pelaksana S-L khususnya dalam kalangan pelajar merupakan tonggak utama dalam menjayakan aktiviti khidmat bersama masyarakat. Seperti yang dijelaskan, S-L memupuk sikap dan menyemai nilai-nilai murni dalam diri pelajar. Kajian ini mendapati 137 peserta kajian (51.70%) mengakui bahawa aktiviti S-L yang dilalui memberikan impak positif kepada akhlak dan keperibadian mereka sebagai seorang Muslim. Akhlak merujuk kepada tabiat yang dipandu oleh beragama. Ia adalah keadaan yang selari dengan keyakinan yang terpahat dalam hati dengan apa yang dipamerkan melalui tindak-tanduk, luahan lisan dan juga tulisan. Akhlak juga merujuk kepada tindakan-tindakan yang ingin dilakukan secara spontan tanpa memerlukan akal untuk memproses sama ada ia buruk atau baik. Bagaimanapun menurut Sofiah et al. (2016) tingkah laku terhasil dari jiwa. Oleh itu, sesuatu tindakan yang ditunjukkan oleh seseorang menggambarkan akhlak pada diri individu tersebut (Hatim et al. 2020) Keperibadian Muslim dalam konteks kajian ini dibahagikan kepada tiga tema iaitu S-L menerapkan rasa dan usaha bagi (i) menjalinkan ukhwh yang diasaskan oleh kepercayaan akidah, (ii) menolong sesama mukmin, juga (iii) memilih untuk bersikap sentiasa bermuhasabah diri. Perkara jelas mencerminkan sikap positif individu peserta kajian hasil dari penyertaan mereka dalam aktiviti-aktiviti S-L.

### (a) Menjalinkan Ukhwh

Tema bagi jalinan ukhwh yang diasaskan oleh kepercayaan adalah salah satu tema yang dianalisis daripada komentar para responden apabila mereka mengaitkan pengalaman S-L menurut ruang lingkup agama Islam. Seramai 31 orang (11.7%) menjelaskan aktiviti yang dijalankan dapat mempertautkan persaudaraan khususnya sesama mereka yang beragama Islam. Rasa persaudaraan tersebut turut dikaitkan dengan indikator kepercayaan ataupun iman seperti pedoman sabda Nabi Muhammad S.A.W bahawa antara tanda-tanda seseorang itu beriman kepada Allah apabila dia mengasihi, mengutamakan dan berinteraksi dengan saudaranya dengan cara terbaik. Ada dalam kalangan peserta kajian ini juga menjelaskan tentang kepentingan hubungan dengan Allah dan sesama manusia. Berikut adalah penjelasan peserta kajian berhubung dengan kesan S-L ke atas diri mereka:

*'...mengeratkan ukhwh sesama umat Islam dan menunjukkan kesempurnaan iman seseorang terhadap Pencipta-Nya'. (R50)*

*'...sebagai salah satu tanda kita mengimani serta mentaati kepatuhan akan arahan Allah yang menekankan pentingnya menjaga hubungan bukan sahaja dengan Allah, bahkan kepada manusia serta makhluk yang lain termasuk kepada alam. Hablum minallah wa hablum minannas'. (R95)*

*'...dalam sebuah hadith nabi ada menyatakan seorang mukmin dengan mukmin yang lain ibarat satu tubuh badan.' (R06)*

Menurut peserta kajian R22 *'Islam ini adalah suatu acuan dalam berperanan dalam sebuah institusi ukhwh seperti ansar dan khazraj'*. Beliau mengaitkan hubungan persaudaraan yang dibina semasa menjalani khidmat seumpama jalinan persahabatan yang akrab di antara dua kelompok iaitu Aus dan khazraj dan orang-orang Islam yang berhijrah dari Mekah yakni golongan muhajirin. Aktiviti khidmat menyerlahkan lagi indikator iman seseorang manusia secara eksplisit dan implisik. Tambahan lagi jalinan ukhwh merupakan manifestasi kesatuan ummah *'...tuntutan dalam agama Islam yang menyuruh umatnya mengasihi saudara se-Islam'* (R120).



Jalinan *ukhwah* umat Islam terbentuk atas dasar untuk ‘...menyebarkan budaya Islam yang sebenar’ (R54), ‘...membantu sesama manusia’ (R33, R91, R110, R221), ‘...saling mengenali antara satu sama lain’ (R202, R216), serta ‘mengeratkan dan menguatkan jalinan silaturrahim’ (R59, R64, R105, R127, R160, R232). Sekiranya umat Islam saling mengamalkan keperibadian terpuji ini, maka *ukhwah* Islam akan lebih kukuh dan tiada persengketaan di antara umat Islam akan berlaku.

Seperti mana yang dijelaskan oleh R60 ‘*Ukhwah yang kukuh dapat dibina sesama ummah dan silaturrahim umat Islam sentiasa terpelihara tanpa ada prasangka buruk dan persepsi negatif dari salah satu pihak*’. Melalui khidmat yang dijalankan kasih sayang kepada masyarakat terbentuk dan membuktikan bahawa orang-orang Islam adalah bersaudara (R11 & R190). R116 turut menyatakan bahawa rasa kasih sayang tersebut membenihkan lagi ikatan persaudaraan sekalipun ada perbezaan. ‘...umat Islam itu saudara malah diciptakan dalam kalangan manusia berbeza bahasa, bangsa dan warna kulit untuk kita saling kenal mengenali dan membantu golongan yang lemah dan memerlukan’. Ini menunjukkan perbezaan tidak menghalang untuk berbakti khususnya apabila khidmat yang diberikan itu adalah bertujuan memenuhi keperluan masyarakat itu sendiri. Ini bertepatan dengan apa yang dijelaskan oleh peserta kajian R135 yang mengakui bahawa atas dasar *ukhwah* insan maka khidmat masyarakat berkaitan dengan ilmu-ilmu yang dipelajari dari kursus telah diberikan kepada komuniti bagi membantu kehidupan mereka. Menurut beliau usahanya dapat ‘...membantu kehidupan bermasyarakat’.

R194 pula menegaskan bahawa ‘...hidup ini bukanlah untuk bersenang-senang dan mementingkan diri sendiri. Sebagai manusia, hendaklah hidup dalam bermasyarakat’. *S-L* yang dilalui oleh peserta kajian telah menyemai rasa dan kecaknaan untuk hidup bermasyarakat dalam diri mereka. Bagi R198 dan R193 pula, aktiviti *S-L* mereka membawa kepada kesan positif seperti ‘...kebaikan dapat disebarikan serta membina masyarakat yang sejahtera’ juga ‘membawa kepada kesejahteraan dan keharmonian masyarakat’. Oleh itu, sebagai seorang muslim menjadi tanggungjawab bagi setiap insan untuk cakna akan ‘*kesepaduan ummah dan menyumbang untuk Islam*’ (R123). Melalui khidmat yang diberikan akan ‘...menanam sifat ikhlas dalam diri dan sentiasa berusaha menyumbang dalam pembangunan ummah dan agama Islam’ (R60).

#### (b) Menolong Sesama Muslim

Majoriti peserta kajian (R03, R08, R14, R28, R32, R45, R48, R65, R66, R78, R79, R82, R99, R100, R102, R122, R125, R130, R131, R132, R139, R143, R162, R164, R165, R172, R176, R177, R186, R191, R196, R199, R201, R213, R214, R247, R249, & R255) menyatakan bahawa *S-L* dapat memupuk sifat tolong-menolong dalam diri mereka. Seramai 84 peserta (31.70%) mengakui dan menjelaskan bahawa tolong-menolong menjadi tanggungjawab mereka dan sebahagian indikator kesempurnaan iman. Sebahagian peserta kajian pula menjelaskan keperibadian mereka dalam memberi manfaat kepada orang lain, serta keperluan tolong-menolong dalam kebaikan. Seterusnya, sebahagian yang lain menjelaskan tolong-menolong bukan sahaja memberi impak kepada masyarakat, malahan menghapuskan sifat mazmumah dalam diri mereka.

Menjadi tanggungjawab bagi para muslim untuk bersikap saling tolong-menolong dan bantu-membantu di antara satu sama lain, terutama sesama muslim. Membantu manusia juga adalah sebahagian daripada ibadah dan Allah SWT sukakan orang yang dapat memberi manfaat kepada orang lain (R17 & R258). Oleh itu R49 menjelaskan bahawa ‘...sikap saling bantu membantu itu bukan sahaja merupakan nilai yang murni yang perlu diterapkan dalam diri setiap individu, tetapi ia merupakan satu nilai yang mempunyai ganjaran yang sangat besar dalam

Islam. Kerana dalam Islam, Allah telah menjanjikan sekiranya kita memudahkan urusan orang lain, insha-Allah Allah akan memudahkan urusan kita'. Ganjaran ini juga dinyatakan oleh R228 sebagai '...mendapat pahala'.

Galakan dalam membantu atas dasar kebaikan ini telah dijelaskan di dalam Al-Quran sebagai bukti bahawa setiap muslim seharusnya bersikap ringan tulang dalam membantu sesama muslim. R13 & R254 menjelaskan dengan berdalilkan Surah al-Maidah ayat 2 yang membawa maksud '*Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya).*'. Pertolongan ini termasuklah dari segi harta benda, wang ringgit, tenaga dan masa (R13). Bagi R41 dakwah dalam *amar ma'ruf dan nahi mungkar*, mengajak kepada kebaikan dan menjauhi kemungkaran juga sebahagian daripada pertolongan yang boleh diberikan kepada masyarakat. R136 menjelaskan pertolongan ini adalah '...untuk sama-sama berubah ke arah kebaikan' serta menjadi '...umat yang terbaik' (R83). 'Sesuai dengan fitrah dan tujuan penciptaan manusia itu sendiri yang perlu memakmurkan dunia dan melakukan kebaikan' (R16).

Tambahan pula, Islam juga mengajar umatnya untuk memberi manfaat kepada orang lain (R39, R61, R108, R188 & R234). Sebahagian peserta kajian seperti R43, R25 dan R226 mengaitkan aktiviti S-L yang dijalankan dengan mendatangkan dalil berikut '*خير الناس أنفعهم للناس. Maksudnya: Sebaik-baiknya manusia adalah yang bermanfaat bagi orang lain. (HR. Ahmad, Thabrani, Daruqutni. Disahihkan Al Albani dalam As-Silsilah As-Shahihah)*'. Mengambil I'brah daripada hadis ini juga, sebahagian peserta kajian lain menjelaskan bahawa untuk menjadi Muslim yang baik, adalah melalui jalan memberi manfaat kepada orang lain (R30, R39, R104, R117, R129 & R134). Manfaat ini tidak semestinya berupa bentuk kewangan semata-mata bahkan pertolongan secara khidmat juga merupakan sebahagian daripada usaha untuk memberi manfaat (R153), kerana ianya '*...merupakan salah satu bentuk pertolongan kepada orang lain dalam mengurangkan beban mereka*' (R231) juga sebahagian daripada memudahkan urusan orang lain (R93 & R244). Di samping itu, melalui khidmat dapat menyebarkan '*...kebaikan kepada semua pihak termasuk individu masyarakat dan negara dari pelbagai sudut yang positif*' (R108), dan mengelakkan '*...orang lain dapat buat kesalahan yang sama*' (R139).

Sebahagian peserta kajian menukilkan mutiara ajaran Islam bahawa '*...tangan yang memberi adalah lebih baik daripada tangan yang menerima...*' (R103). Memberi manfaat kepada orang lain adalah lebih baik. Ini kerana seperti yang dijelaskan oleh R55, '*...dalam rezeki kita ada rezeki orang lain*'. Bagi R80, memberi khidmat sebahagian daripada sifat keadilan seperti mana yang dijelaskan '*Keadilan dan meletakkan hak pada tempatnya iaitu kepada masyarakat*'. Selain itu, orang-orang muslim adalah bersaudara dan '*...telah di tekan dalam hadis nabi agar menyayangi saudara Islam sebagai mana menyayangi diri sendiri*' (R12, R38 & R253). Oleh sebab itu, Nabi Muhammad SAW menggesa umat Baginda untuk membantu sesama muslim (R88, R96 & R149). Galakan Islam memberi khidmat juga memupuk sifat positif seperti '*...meringankan beban saudara kita dan dapat menunjukkan contoh yang terbaik kepada orang lain*' (R37) juga '*Supaya semua orang menjadi satu, yang berat sama dipikul yang ringan sama dijinjing*' (R58).

Bagi sebahagian peserta kajian pula, mereka memandang membantu sesama insan memberi impak positif buat diri mereka. Di antaranya adalah, '*...memupuk sikap saling membantu dan merendahkan ego dalam diri manusia*' (R29), '*Ithar*' (mengutamakan orang lain) (R37), dan '*...melatih diri dengan sikap prihatin terhadap insan lain yang lebih memerlukan dan membuang*

*sikap pentingkan diri sendiri*' (R60). Tambahan pula peserta kajian menjelaskan bahawa mereka '*...akan menjadi lebih bahagia apabila kita banyak memberi kepada orang lain...*' (R97) kerana '*... kita merasai pengorbanan dan kesusahan orang lain*' (R245). Oleh itu, membantu mereka yang berada dalam kesusahan bukan sahaja membentuk keperibadian muslim yang positif malahan ianya merupakan amalan yang mulia dan dianggap sedekah (R62 & R237).

### (c) Melatih Diri untuk Bermuhasabah

Hasil daripada soalan terbuka kepada peserta kajian seramai 22 peserta kajian iaitu 8.30% menyatakan bahawa S-L memupuk budaya bermuhasabah dalam diri mereka setelah merasai sendiri pengalaman berkhidmat kepada masyarakat. Antaranya adalah R205 menjelaskan bahawa '*Agama Islam menggalakkan umatnya memberikan khidmat kepada orang lain supaya dapat membantu orang yang lebih memerlukan serta menanam keprihatinan dalam diri*'. Semua ini adalah bertujuan untuk '*...menerapkan nilai kemanusiaan yang sebenar dalam diri*' (R236). Oleh itu, amalan yang dilakukan adalah untuk menerapkan keperibadian prihatin terhadap diri peserta kajian melalui khidmat yang diberikan kepada masyarakat. R111 pula menjelaskan bahawa '*Islam itu agama kasih sayang yang menggalakkan umatnya sentiasa cakna dengan keperluan masyarakat sekeliling*'.

Ini bermakna amalan ini telah berjaya memupuk sifat prihatin terhadap masyarakat, seperti mana yang dijelaskan oleh R74 '*Supaya kita lebih prihatin terhadap semua insan*'. Selain itu, sebahagian peserta kajian menyatakan khidmat yang diberikan dapat memupuk sifat ihsan, empati, serta tolaq ansur terhadap masyarakat lain, apabila melihat kesusahan orang lain (R217 & R238). Bahkan dengan mendekati masyarakat R174 menyatakan bahawa '*...lebih memahami masyarakat bagi menjelaskan sangkaan buruk*'. Bagi R187 inilah peluang baginya untuk '*...betulkan kesilapan diri kita dahulu dan dapat berbuat baik menjadi yang lebih baik*'. Oleh sebab itu, Islam sangat menganjurkan umatnya untuk memberi khidmat kerana '*...dapat muhasabahkan diri tentang segala nikmat dan kelebihan yang telah Allah anugerahkan pada kita*' (R09). R239 lebih mendalam menjelaskan bahawa '*...tidak semua orang sama jalan cerita kehidupannya. Kekurangan yang dimiliki adalah untuk saling menyempurnakan melalui sifat tolong menolong atas dasar kasih sayang sesama hamba*'.

Selain dari keperibadian positif yang dipupuk, sebahagian peserta kajian menyatakan muhasabah yang dapat dirasai melalui khidmat ini adalah bersyukur dengan apa yang dimiliki seperti mana yang dinyatakan oleh R71 '*Sentiasa bersyukur dengan apa yang kita ada dan prihatin dengan keadaan orang lain di sekeliling kita*'. Melalui aktiviti S-L yang dilaksanakan dalam kursus telah membuka hati pelajar untuk bersyukur dengan kelebihan juga kesenangan yang dimiliki. Ini dinyatakan oleh R96 '*...hal ini juga dapat memberi didikan pada hati supaya bersyukur dengan nikmat yang Tuhan telah berikan*'. Bagi R60 aktiviti S-L yang dijalankan sebagai tugas kursus telah '*memupuk sifat kesyukuran yang tinggi atas nikmat yang diperoleh berbanding insan lain yang lebih dhaif dari diri kita*'. Menurut R57, '*Allah ciptakan manusia ada yang berkemampuan dan sebaliknya. Ada yang kuat dan ada yang lemah. So, melalui khidmat kepada masyarakat kita berbakti kepada manusia selain...*' R57 menambah lagi bahawa itu dapat '*...tingkatkan rasa syukur kerana diberi keupayaan untuk tolong orang*'.

Bentuk pertolongan yang diberikan dinyatakan oleh R248 adalah '*...membantu orang dalam kesusahan sekali gus dapat meringankan beban sedikit sebanyak...*'. Dengan membantu masyarakat juga, sebahagiannya mengakui dapat merasa kesusahan yang dialami oleh mereka (R04, R10 & R70). R106 lebih menjiwai khidmatnya dengan menyatakan bahawa '*...bila mana*

*kita cuba meletakkan diri kita pada tempat orang yang berada dalam kesusahan tersebut, pasti bersyukur kerana ada orang yang sudi memberi khidmat secara langsung atau tidak langsung*'. Begitu juga dengan R250 menyebutkan bahawa '*...anjuran khidmat kepada orang lain ini juga adalah untuk kita lebih menyedari bahawa ujian kehidupan kita tidak seberat tanggungan ujian orang lain*'. Oleh sebab itu, Islam sangat menganjurkan umatnya untuk saling tolong-menolong '*...kerana bukan semua manusia mempunyai kehidupan yang senang*'(R52). Khidmat yang diberikan melalui amalan *S-L* telah membuatkan peserta kajian benar-benar merasai keperluan masyarakat yang harus dibantu.

Justeru, dapat disimpulkan bahawa, amalan *S-L* telah menerapkan nilai-nilai kemanusiaan dalam diri peserta kajian hasil daripada muhasabah yang dilakukan oleh mereka. Ternyata muhasabah yang dipupuk di dalam mereka telah mendidik rasa syukur dengan nikmat dan kelebihan yang diberikan oleh Allah SWT kepada mereka. Tambahan pula, tujuan khidmat yang diberikan juga adalah merasai sendiri kesusahan orang lain serta meringankan beban mereka. Ini bermakna *S-L* berjaya memupuk sifat muhasabah ke dalam peribadi Muslim sebahagian peserta kajian yang menyertai amalan ini.

### S-L Menonjolkan Keunikan Ciri-ciri Agama Islam

Hasil analisis di atas menunjukkan 77 peserta kajian telah menyatakan bahawa setelah menjalankan *S-L* mereka dapat menonjolkan ciri-ciri keunikan agama Islam. *S-L* berkait rapat dengan agama Islam (i) khidmat adalah sebahagian daripada ibadah, (ii) Islam adalah agama yang syumul, (iii) Islam adalah agama rahmat serta (iv) salah satu medan dakwah Islam adalah melalui memberi khidmat kepada masyarakat.

#### (a) Khidmat adalah Sebahagian Ibadah

Khidmat kepada insan lain atau melakukan sesuatu kebaikan terhadap manusia lain adalah sebahagian daripada ibadah (Syed Jalaluddin Umari 1996). Khidmat tersebut adalah salah satu cara untuk mendekati diri dan mengabdikan diri kepada Tuhan, Allah SWT. Khidmat yang dijalankan semata-mata ikhlas untuk mencapai keredhaan Allah SWT adalah salah satu cara untuk mendekati diri kepada Allah. Perkara ini dijelaskan oleh R258 dengan menyatakan bahawa '*Agama Islam menggalakkan umatnya memberikan khidmat kepada orang lain kerana ianya merupakan satu ibadah dan Allah SWT sukakan orang yang dapat memberi manfaat kepada orang lain*'.

R20 juga menjelaskan bahawa khidmat sebagai sebahagian daripada amalan mulia, ini kerana ianya sebahagian daripada ibadah yang dapat '*memupuk sikap tolong menolong dan sikap prihatin sesama insan*' (R24), juga R46 menyatakan bahawa '*membantu orang lain merupakan suatu ibadah dan merupakan amalan Nabi yang perlu dicontohi bagi memastikan orang lain merasai kesenangan bersama*'. Dalam kalangan peserta kajian ini juga memandang manfaat *S-L* yang diberikan kepada insan lain menjadikan khidmat ini '*Tuntutan agama*' (R157) serta terdapat '*nilai Islam pada khidmat masyarakat*' (R118) yang telah dilaksanakan.

Bagi R94 dan R170, mereka menggambarkan pengalaman *S-L* sebagai sebahagian amalan agama yang memberikan pahala kepada mereka kerana *Islam itu menawarkan berbagai ganjaran bagi mereka yang ringan tangan dan tulang dalam membantu sahabat-sahabat dan masyarakat sekeliling*' (R69), bahkan Allah menjanjikan ganjaran contohnya, '*...mendapat ganjaran di akhirat di samping dipermudahkan rezeki*' seperti mana yang dinyatakan oleh R73. Jelaslah pada

pengamatan peserta kajian seramai 10 peserta kajian (3.77%) bahawa S-L yang telah dilaksanakan adalah sebagai ibadah yang dituntut di dalam agama Islam kerana ianya memberi manfaat kepada orang lain serta khidmat ini adalah sebahagian daripada amalan nabi yang harus dicontohi. Bahkan bagi mereka amalan khidmat kepada masyarakat menjanjikan ganjaran pahala dan dimurahkan rezeki seperti mana yang dijelaskan oleh sebahagian peserta.

#### (b) Islam Agama Syumul

Seramai 10 orang peserta kajian (3.77%) menjelaskan aktiviti S-L yang dijalankan menonjolkan bahawa Islam adalah agama yang syumul dan sesuai dengan semua keadaan. Kesyumulan agama ini membuatkan keprihatinan umat tidak tertumpu kepada suatu perkara semata-mata, tetapi bersifat universal dalam menyebarkan kebaikan dan saling bantu-membantu. Mengambil contoh dan tauladan daripada Rasulullah SAW, seperti mana yang dinyatakan R144 '*...Rasulullah saw sebagai teladan*' menjadikan Islam adalah agama yang '*...yang suci dan layak untuk semua*' (R87 & R115).

Menghubungkan pengalaman melaksanakan S-L dengan agama Islam, bagi R240, '*Islam adalah agama yang syumul, dan lengkap dari pelbagai aspek. membantu di antara satu sama lain juga adalah sebahagian daripada kelengkapan agama*'. Begitu juga bagi R77, beliau menekankan penglibatannya dalam S-L perlu '*...kerana Islam agama yang syumul dan lengkap. menggalakkan masyarakat bantu membantu*'. Pandangan R240 dan R77 selari dengan pandangan R92, R114, R137, R183, R208, dan R211, R01 dan R242 yang mengaitkan ciri ajaran agama Islam yang syumul dengan rasa keprihatinan dan khidmat bakti kepada masyarakat.

#### (c) Islam Agama Rahmat

S-L yang dijalankan juga dapat menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang bersifat rahmatan lil 'alamin. Dalam memelihara suasana kehidupan yang harmoni, kerangka konsep rahmatan lil alamin mengambil kira asas-asas penjagaan kepada kedamaian, berbuat baik dan adil kepada semua manusia tanpa mengira bangsa dan agama (Azmi & Ismail 2018). Seramai 21 peserta kajian (7.92%) seia dalam menggambarkan Islam sebagai agama rahmat. Contohnya R15, R36, R98, dan R200 menjelaskan dalam memberikan khidmat, mereka tidak memilih latar belakang komuniti tertentu contohnya seperti hanya orang Islam sahaja. Ini kerana Islam mengajar umatnya supaya memberikan khidmat kepada sesiapa sahaja.

*'...agama Islam sangat menggalakkan umatnya memberikan perkhidmatan, khidmat kepada orang lain...'* (R98)

*'...ajaran Islam yang sangat menitikberatkan amalan tolong menolong antara satu sama lain dan berusaha dalam mengharmonikan sesebuah masyarakat setempat'* (R75).

*'...Islam adalah agama yang membantu dan memupuk sifat-sifat baik dalam diri manusia'*. (R178)

*'...orang lain melihat agama Islam adalah agama yang baik, suka bantu membantu'*. (R189)

*'...Islam adalah agama yang saling berkasih sayang sesama penganutnya...'* (R168).

Antara indikator terlaksananya konsep *rahmatan lil alamin* dalam kehidupan dapat dikenalpasti melalui tindakan dan sikap yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad SAW dalam

berinteraksi dengan orang Islam dan bukan Islam. Antaranya seperti memelihara dan melindungi orang lain, menghormati orang lain, berinteraksi dengan mesra dan baik, saling bertukar hadiah dan senyuman, membantu secara bermanfaat kepada sesiapa sahaja tanpa memilik bulu (Azmi & Ismail 2018). R07 menjelaskan bahawa melalui S-L yang dilaksanakan beliau '*...dapat membantu orang dalam kesusahan sekali gus dapat meringankan beban mereka sedikit sebanyak, ia juga melatih kita sifat sabar, empati dan rasa kasih sayang kepada masyarakat*'.

#### (d) Islam Agama Dakwah

Seramai 36 peserta kajian (13.58%) bersetuju menyatakan S-L adalah sebahagian daripada medan dakwah buat mereka. Ini kerana melalui khidmat yang dijalankan dapat '*Menunjukkan akhlak umat Islam, dapat sebarkan kebaikan dan sebarkan Islam*'(R180). Melalui amalan S-L, adalah cara terbaik '*...memperkenalkan tentang akhlak Islamiyyah*'(R101) melalui medan '*dakwah bil hal*' (R72), iaitu dengan '*...menunjukkan contoh yang baik...*' (R163) serta '*...mengubah cara pemikiran masyarakat pelbagai agama terhadap agama Islam...menunjukkan agama Islam adalah agama yang mulia...*' (R56), '*...agama tolong menolong*' (R197), '*...agama yang membantu*' (R113), '*...agama yang prihatin*'(R207), '*...agama yang baik*' (R159) serta '*...agama yang berlumba-lumba dalam berbuat kebaikan*'(R181).

R51 dan R145 menjelaskan S-L menunjukkan agama Islam adalah agama yang mengajak ke arah kebaikan dalam kalangan manusia tanpa mengira latar belakang, usia, jantina dan agama. Secara khususnya bagi pelajar pengajian Islam mereka memahami konsep dakwah sebagai usaha menyeru golongan selain beragama Islam untuk mengenali ciri-ciri kebaikan dan kepercayaan dalam Islam dan akhirnya mereka akan memeluk agama Islam. Oleh kerana itu, jawapan peserta kajian menunjukkan bahawa melalui S-L yang dijalankan khususnya apabila mereka memberikan khidmat dalam masyarakat bukan Islam dapat membuka paradigma komuniti tersebut untuk mengenali Islam dengan lebih dekat. Bagi mereka antara peranan dan kebaikan S-L yang dijalankan:

*'...menarik orang bukan Islam tentang keharmonian penganutnya yang suka menolong orang lain tanpa mengira agama'* (R44)

*'... untuk menarik orang bukan Islam, menunjukkan bahawa Islam adalah agama yang mengambil berat keadaan masyarakat'* (R222)

*'...dalam memperkenalkan dan memberitahu [orang lain] bahawa Islam itu bukan agama yang rasis'*. (R02)

*'...menjadikan Islam dipandang mulia oleh penganut agama lain'* (R76)

Menurut ramai peserta kajian, khidmat mereka kepada masyarakat adalah medan dakwah (R85, R89, R124, R126, R179, R209, R210, R218, R219 & R235) sama ada dakwah secara '*...tidak langsung*' (R67), '*...amar ma'aruf nahi mungkar*' (R206), dan '*... memupuk sifat mahmudah dalam kalangan orang Islam*'(R109). Sasaran komuniti yang menerima khidmat tersebut termasuklah '*...umat Islam dan bukan Islam*' (R63).

S-L dapat mempamerkan imej Islam melalui jalan *dakwah bil hal* (dakwah melalui perbuatan). Kandungan dakwah dalam agama Islam adalah '*...mengajak dan menyeru ke arah kebaikan*' (R203). Ia menjadi ruang untuk penganut selain agama Islam untuk mengenali agama Islam dengan lebih baik seperti yang dijelaskan oleh dua peserta kajian berikut bahawa S-L yang

dilaksanakan ‘...menjadi asbab kepada penganut yang beragama selain Islam, dapat mendekatkan diri terhadap agama Islam’(R56) dan. ‘... khidmat itu juga adalah dakwah.’ (R35).

Menjadi tanggungjawab Muslim dalam menyebarkan dakwah melalui jalan khidmat (R84), supaya ‘...agama Islam dapat disebarkan dan diterima baik oleh masyarakat’ (R173). Inilah jalan bagi membantu masyarakat ‘...agar sama-sama mengenal Allah untuk mendapat keredhaan Allah’ (R184), ‘...membimbing mereka ke jalan kebenaran...mengamalkan cara hidup yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah’ (R27) ‘...untuk lebih tahu secara mendalam tentang agama Islam’ (R53), ‘...membantu masyarakat dalam memahami hakikat Islam dengan jalan dakwah’(R63) serta ‘...Dapat mengembangkan idea dalam membaik pulih masyarakat’ (R63) melalui ‘...memupuk semangat 'ta'awun' ke arah kebaikan dan membentuk perpaduan dalam kalangan ummah’ (R42). Oleh itu, khidmat sebagai medan dakwah akan memberi kesan kepada ‘...saling memberi dan menerima manfaat bagi kemajuan diri dan agama’ (R21).

### Hubungan S-L dengan Agama Islam

S-L mempunyai hubungan dengan agama Islam melalui (i) pelaksanaan kepada teori yang dipelajari; (ii) melangsaikan tanggungjawab melalui perkongsian dan (iii) memastikan apa yang dikongsi memberikan manfaat kepada orang ramai. Hasil kajian mendapati bahawa sebahagian peserta kajian menjelaskan bahawa terdapat hubungan di antara ilmu yang dipelajari dengan tuntutan agama Islam itu sendiri. Mereka melihat hubungan tersebut dari tiga aspek berikut:

#### (a) S-L Menekankan Pelaksanaan Ilmu Agama Secara Praktikal

Seramai 12.45% iaitu 33 peserta kajian telah memberikan penjelasan mereka terhadap S-L dan kaitannya dengan agama Islam. Antaranya, R112 yang menyatakan:

*‘Setiap orang mempunyai kemampuan yang berbeza, maka kita saling memerlukan antara satu sama lain. Justeru, kemahiran dan kelebihan yang dimiliki bukan untuk disimpan, sebaliknya untuk dikongsi dan dikembangkan agar dapat menjadi lebih baik buat diri, juga menyumbang kepada pembangunan ummah yang lebih baik’.*

Pandangan yang dinyatakan menjelaskan bahawa hubungan ilmu dengan agama adalah pertamanya ilmu yang dipelajari harus diamalkan. Melalui khidmat yang diberikan kepada masyarakat peserta kajian melihat peluang dan ruang untuk mengamalkan ilmu yang mereka pelajari. Pandangan ini juga dijelaskan oleh R18, R40, R47, R128, R140, R156, dan R151. Di mana mereka menjelaskan bahawa ilmu yang dipelajari harus dikongsi dan diamalkan. Bagi R47 pula ‘...walaupun ia hanyalah secebis ilmu tetapi apabila di kongsikan bersama, akan menjadi seperti buih lautan yang banyak’.

R40 dan R151 pula menjelaskan bahawa ‘...membantu golongan yang memerlukan dan berkongsi kemahiran yang ada’ (R40), ini kerana ‘...kenikmatan itu perlu dikongsi’ (R151) serta ‘ilmu yang dikongsi dapat dimanfaatkan oleh masyarakat’ (R140). Oleh sebab itu, melalui khidmat ianya bukan sahaja menjadi medan untuk ‘Menyebarkan ilmu’ (R156 & R68) tetapi juga ilmu tersebut ‘...dapat diamalkan/ dimanfaatkan’ (R128). R18 menjelaskan bahawa ‘...segala ilmu yang dipelajari dapat diteruskan di mana sahaja kerana ilmu yang kekal apabila ia diamalkan’.

#### (b) S-L Memenuhi Tanggungjawab Perkongsian Agama

Peserta kajian juga menekankan tentang erti tanggungjawab apabila menjadi pelajar. Bagi mereka tugas menyebarkan ilmu adalah satu khidmat yang besar yang diamanahkan kepada setiap Muslim. Pandangan ini dijelaskan oleh R81 bahawa '*Menyebarkan ilmu walaupun satu ayat adalah tanggungjawab Muslim*'.

Sebahagian peserta kajian menjelaskan bahawa khidmat yang diberikan membantu mereka dalam menambah lagi ilmu pengetahuan serta berkongsi pendapat antara satu sama lain. Perkara ini dijelaskan oleh R23 '*Pada pandangan saya, dengan ini boleh menambah ilmu pengetahuan dan berkongsi pendapat antara satu sama lain*'. Malahan R264 juga menyatakan pandangan yang sama iaitu '*...boleh menambah ilmu pengetahuan*'. Bagi R107 melalui khidmat yang diberikan dia lebih mudah memahami pembelajaran tersebut. Bahkan R241 berkongsi pengalamannya dengan menyatakan '*...Saya dapat meningkatkan keyakinan diri dan mempelajari sesuatu yang baru di samping berkongsi apa yang saya tahu bersama pelajar-pelajar*'. Begitu juga dengan R243 yang memperoleh pengalaman baru melalui aktiviti khidmat yang disertai, seperti mana yang dinyatakan '*...belajar sesuatu yang baru dan dapat menambahkan lagi pengalaman saya*'.

Menurut R86 pula '*Tanggungjawab dalam agama adalah membantu sesama Muslim terutama dari sudut memberikan pengajian dan pembelajaran*'. R171 juga menjelaskan bahawa tanggungjawab dan khidmat menyebarkan ilmu ini sangat penting kerana '*...boleh jadi dengan setitis usaha dan sebutir mutiara dari mulut kita mampu merubah orang lain ke arah yang lebih baik*'. Ini bermakna tanggungjawab menyampaikan ilmu adalah sangat besar buat setiap Muslim, dan peserta kajian menyatakan melalui khidmat ini mereka dapat menjalankan tanggungjawab tersebut.

## PERBINCANGAN

### S-L Membangunkan Karektor Insan Sejahtera

Kajian mendapati di sisi pelajar program Pengajian Islam, khidmat yang dijalankan dalam masyarakat merupakan tuntutan dan sebahagian daripada ibadah. Perkara ini adalah selari dengan tujuan penciptaan manusia itu sendiri, seperti mana yang dijelaskan di dalam firman Allah SWT, maskudnya:

*"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu"*

(al-Quran, Surah adz-Dzaariyat, 51:56).

Ibn Kathir (1990) menjelaskan di dalam tafsirnya bahawa, manusia tidak diciptakan oleh Allah SWT melainkan untuk menyembah dan beribadah kepada-Nya. Oleh itu, ayat ini menjelaskan bahawa, manusia hidup di muka bumi dengan satu tujuan iaitu semua perilakunya adalah dengan tujuan ibadah. Peserta kajian menjelaskan bahawa khidmat yang diberikan kepada masyarakat melalui amalan pembelajaran S-L ini dapat menonjolkan ciri agama Islam itu sendiri. Islam adalah agama yang syumul dan sesuai dengan semua keadaan. Kesyumulan agama ini bersifat universal dalam menyebarkan kebaikan dan saling bantu-membantu. Peserta kajian juga mengakui bahawa memberi khidmat mereka dalam masyarakat menunjukkan Islam adalah agama yang bersifat *rahmatan lil 'alamin*. Mereka mengaitkan perkara ini dengan membawakan sunnah dakwah Nabi Muhammad SAW. Nabi Muhammad SAW yang diutuskan kepada seluruh umat sebagai pembawa rahmat kepada seluruh alam yang bersama dengan al-Quran yang menjadi



panduan hidup manusia kepada jalan kebenaran. Khidmat yang dijalankan telah membuka peluang kepada mereka untuk membimbing masyarakat supaya mereka berada di landasan yang benar. Allah SWT berfirman dalam Surah an-Nahl ayat 125, bahawa Allah SWT memerintahkan manusia untuk menyeru manusia lain kepada kebaikan dengan kebijaksanaan (Ibn Kathir 1990), firman Allah SWT, maksudnya:

*“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.”*

(al-Quran, Surah an-Nahl, 16:125)

### S-L Membentuk Akhlak Mulia

S-L menjadi ruang dan peluang para pelajar dalam membentuk peribadi muslim yang berakhlak mulia sepanjang berkhidmat sama ada sesama Muslim ataupun dengan mereka yang berlainan agama. Khidmat yang dijalankan bukan sahaja telah mengeratkan lagi hubungan silaturrahim, bahkan memperkukuhkan lagi bahawa sebagai Muslim mereka seumpama satu tubuh badan yang saling mencintai, mengasihi dan menyayangi. Hubungan ini juga terjalin dan terbentuk atas dasar ikatan persaudaraan Islam. Sebahagian peserta kajian mengaitkan perkara ini dengan mendatangkan sebuah hadis, maksudnya:

*Rasulullah SAW bersabda: “Perumpamaan seseorang Mukmin sesama Mukmin dalam hal saling mencintai, mengasihi dan menyayangi seumpama satu badan. Apabila ada salah satu anggota badan yang menanggung kesakitan, maka seluruh badannya akan turut terjaga (tidak akan tidur) dan terasa panas (merasakan sakitnya).”*

(Hadis Riwayat Bukhari, no: 6011)

Hadis ini menekankan nilai kebersamaan yang wujud dalam kalangan penganut Islam yang diumpamakan seperti satu badan yang saling mengasihi dan menyayangi (Ibnu Hajar 2002). Bagi peserta kajian kajian ini, mereka menekankan khidmat yang dijalankan dengan firman Allah tentang membuat kebaikan pasti akan mendapat balasan kebaikan sama ada di dunia dan akhirat. Mereka juga percaya Islam memandang nilai memberikan khidmat dan tolong-menolong ini sebagai salah satu amalan mulia dan membuktikan ketakwaan seseorang individu tersebut. Firman Allah SWT, maksudnya:

*“Dan ditanya pula kepada orang-orang yang bertaqwa: “Apakah yang telah diturunkan oleh tuhan yang telah diturunkan oleh Tuhan kamu?” Mereka menjawab: “Kebaikan” orang-orang yang berbuat kebaikan di dunia ini beroleh balasan yang baik, dan sesungguhnya balasan negeri akhirat itu lebih baik lagi; dan memanglah negeri akhirat ialah sebaik-baik negeri bagi orang-orang yang bertaqwa.”*

(al-Quran, Surah an-Nahl, 16:30)

Berdasarkan ayat ini, Allah SWT menjelaskan bahawa, balasan baik telah dijanjikan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya yang berbuat baik, dan balasan di akhirat itu adalah jauh lebih baik daripada kehidupan dunia (Ibn Kathir 1990). Oleh sebab itu, manusia yang bertaqwa seharusnya berlumba-lumba dalam membuat kebaikan di dunia ini. Inilah yang difahami oleh peserta kajian

apabila mereka menjelaskan bahawa kesan *S-L* itu sendiri dapat menerap dan melatih mereka mempraktikkan muhasabah dalam diri mereka. Sama ada kelebihan yang mereka berikan atau perolehi sepanjang khidmat membuatkan mereka lebih untuk berusaha membantu serta bersyukur dengan kehidupan yang diberikan oleh Allah SWT.

### Mengaplikasikan Ilmu di Lapangan

Salah satu nikmat terbesar yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya adalah memperoleh ilmu pengetahuan, seperti mana yang disebutkan di dalam sebuah hadis Daripada Muawiyah RA katanya, Rasulullah SAW bersabda, maksudnya:

“Sesiapa yang dikehendaki oleh Allah memperoleh kebaikan Allah menjadikannya pandai dalam hal keagamaan”

(Hadith Riwayat Bukhari, No. 71 & Muslim, No. 1037).

Peserta kajian menjelaskan bahawa kelebihan yang diberikan kepada mereka dalam mendalami ilmu agama secara teori dalam bilik-bilik kuliah harus dipraktikkan dengan menyebarkan dan menggunakan ilmu tersebut bagi manfaat orang lain. Imam al-Syafi'iy dan Ibnu Khaldun telah menekankan tentang teori pembelajaran bahawa pelajar ilmu Islam dan lain-lain bidang mengamalkan apa yang telah dipelajari. *S-L* menjadi satu ruang praktikal kepada peserta kajian untuk mempraktikkan apa yang mereka telah pelajari di dalam kuliah melalui khidmat bersama masyarakat dalam dunia sebenar.

Peluang ini seharusnya digunakan untuk memberikan khidmat melalui penyampaian ilmu, pengajaran, penyelesaian terhadap apa yang dihadapi oleh masyarakat pada ketika itu. Ini sesuai dengan tuntutan agama Islam berdasarkan hadis Nabi SAW, maksudnya:

Nabi Muhammad SAW bersabda: “*Sampaikanlah kalian daripadaku walaupun sepotong ayat. Dan ceritakanlah apa yang kalian dengar daripada Bani Isra'il, dan hal itu tidak ada salahnya, dan barang siapa berdusta atas namaku maka bersiap-siaplah untuk ditempatkan di neraka.*”

(Hadith Riwayat Bukhari, no: 3461)

Persepsi peserta kajian terhadap amalan pembelajaran *Service-Learning* menurut Islam adalah sebahagian daripada ibadah yang menjadi tuntutan agama dan akan diganjar dengan pahala. *S-L* yang dilalui oleh mereka juga membawa nilai untuk menonjolkan elemen yang dibawah oleh agama Islam seperti syumul, prihatin serta Islam agama rahmat kepada semua penciptaan di muka bumi ini. Tambahan pula, elemen agama Islam yang ingin di bawa ini menjadi medan *dakwah bil hal* kepada umat Islam dan juga bukan Islam. Nilai kedua yang dibawah oleh *S-L* dari kaca mata agama juga adalah pembentukan keperibadian Muslim dalam diri peserta kajian melalui hubungan sosial seperti bersilaturahmi, berukhwah, saling tolong-menolong serta melalui *S-L* juga mengajar mereka untuk sentiasa bermuhasabah diri. Bahkan *S-L* menurut peserta kajian juga adalah medan untuk mengamalkan ilmu yang dipelajari yang mana ianya menjadi tanggungjawab setiap Muslim. Mereka juga mengakui bahawa memperoleh ilmu dan pengalaman yang baru melalui khidmat tersebut. Hubungan saling memberi dan menerima ini menjadikan hubungan ilmu dalam agama sangat penting.

## KESIMPULAN

S-L menawarkan pengalaman pembelajaran yang bermakna secara teori dan praktikal melalui berkhidmat untuk masyarakat. Manakala agama Islam pula memandang memberi khidmat kepada komuniti sebagai perkhidmatan yang terbaik. Oleh itu, S-L bukanlah satu unsur yang terpisah daripada elemen agama Islam. Ia menjadi motivasi kepada pelajar-pelajar Muslim khususnya mereka yang mengambil bidang-bidang ilmu Islam untuk memberikan sumbangan yang bermakna secara bersistematik. Berdasarkan pandangan dan pengalaman peserta kajian, jelas menunjukkan bahawa aktiviti S-L yang dilalui telah memupuk keperibadian mereka sebagai individu Muslim dalam beberapa aspek. Kajian ini telah mendapati nilai Islam telah dipraktikkan seiring dengan pelaksanaan pembelajaran *S-L* mereka. Antaranya, S-L yang dijalankan dapat menerapkan nilai kebersamaan apabila mereka dapat bersilaturahim, berukhwah, berkongsi dalam memberi manfaat kepada masyarakat. Malah ia memupuk keinsafan dan rasa kesedaran yang tinggi apabila pelajar melaksanakan refleksi pengalaman-pengalaman S-L dan perkaitannya dengan diri mereka sebagai seorang pelajar Muslim. S-L juga menjadi medan jariah untuk peserta memasyarakatkan ilmu-ilmu Islam dengan mempraktikkan teori ilmu Islam yang dipelajari di universiti. Kajian ini mencadangkan agar, pelaksanaan pembelajaran S-L yang lebih terancang dan bermodul diterapkan secara konprehensif dan efektif kepada semua pelajar program pengajian Islam di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Para pengajar kursus pengajian Islam hendaklah diberikan latihan dan kursus berkaitan pelaksanaan S-L secara efektif supaya impak dan kesan-kesan positif S-L dapat diperolehi oleh pelajar. Jelas di sini menunjukkan kepentingan dalam mempertingkatkan kualiti pengajian Islam dan hasrat memenuhi falsafah pendidikan negara dalam menghasilkan graduan Muslim yang seimbang dari semua aspek kognitif, jasmani, emosi dan mereka bersedia untuk berkhidmat kepada agama, bangsa dan negara.

## PENGHARGAAN

Geran FRGS/1/2016/SSI09/UKM/03/4 bertajuk Pembinaan Model *S-L* Universiti Awam Malaysia.

## RUJUKAN

- Abdul Hatim, Ahmad Sahlan, Mohd Nizam Sahad, & Rosmawati Mohamad Rasit. 2020. Persepsi Pelajar Terhadap Pembentukan Akhlak Melalui Penerapan Nilai Murni Dalam Aktiviti Dakwah Kesenian Di SMKA Negeri Kedah. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 7(2): 1-16.
- Abdul Hayei Abdul Sukor. 2011. *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Abdul Rahim Hamdan. 2011. *Falsafah & Pemikiran Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM Press.
- al-Basha, Abdul Rahman Ra'fat. 2006. Anas bin Malik Al-Anshari. Dlm. Engku Omar Amiruddin (pnyt.). 65 Gambaran Kehidupan Sahabat. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Adams, N. M., & Kecskes, K. 2020. The long-haul: Buddhist educational strategies to strengthen students' resilience for lifelong personal transformation and positive community change. *Metropolitan Universities* 31(3): 140–162.
- Ahmad Sanusi Azmi, & Mohd Yusuf Ismail. 2018. Konsep *Rahmatan Lil Alamin* Dalam Hadith: Penerokaan Makna Serta Aplikasi Di Malaysia. *Journal Of Hadith Studies*. 3(2): 1-13.

- Aliyu D. A., Jabor M. K., Sukri Saud M., & Buntat Y. 2015. Dilemmas affects the integration of service-learning in technical and vocational education in Nigeria. *Asia Social Sciences* 11(10): 1–11.
- Anon. (2002). *Presidents' Declaration on the Civic Responsibility of Higher Education*. Providence, Rhode Island: Campus Compact.
- Burns, L.T. 1998. Make sure it's Service-Learning, not just community service. *The Educational Digest* 64(2): 38–41.
- Essential Service-Learning Resources Guide. 2002. *Essential Service-Learning Resources Guide*.
- Eyler, J., & Giles D. Jr. 1999. *Where's The Learning in Service-Learning*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Furco, A. & Shelley H.B. 2002. *Service-Learning: The Essence of the Pedagogy*. Charlotte, North Carolina: Information Age Publishing Inc.
- Haziyah Hussin, Najah Nadiyah Amran, Nor Farhana Abdul Rahman, Adawiyah Ismail, & Zamzuri Zakaria. 2021. Amalan pentaksiran alternatif dalam program pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19. *Islamiyyat* 43(1): 3–14.
- Ibnu Hajar, Al Imam Al Hafizh Al Asqalani. 2002. *Fathul Baari - Penjelasan Kitab Shahih al-Bukhari*. Jakarta: Pustaka Azzam.
- Ibn Kathir, Abi Fida' Ismail Ibn Umar. 1990. *Al-Misbah Al-Munir Fi Tahdzib Tafsir Ibnu Kathir*. Darusslam.
- Kamisah Osman. 2011. The inculcation of generic skills through Service-Learning experience among science student teachers. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 18: 148–153.
- Kementerian Pengajian Tinggi. 2015. *Pelan Pembangunan Strategik Pendidikan Malaysia 2015-2025*.
- Lavery, S. D. 2007. Christian service learning – does it make a difference? *Journal of Religious Education* 55(1): 50–53.
- Maharam Mamat, Hamdzun Haron, Fatin Hazwani Siran, Maisarah Yaacob, Muhammad Izzul Amir, Muhammad Aizad Azfar, Muhammad Firdaus, Nur Qamarina Ruslan, & Sarah Alissa Abdul Razak. 2018. Volunteering among students of introduction to management, UKM. *International Journal of Civil Engineering and Technology* 9(7): 448–456.
- Maznah Hj Ibrahim, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, & Fazilah Idris. 2014. Serving for humanity via Service-Learning projects: connecting Islam to global community. *International Conference of Global Islamic Studies* 211–220.
- Mazuki Mohd Yasim. 2011. *Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Experiential Learning)*. Dlm. Pendidikan Luar-Definisi, Falsafah & Aplikasi. Tanjong Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- McPherson, K. 1996. *Service-Learning: Getting to the Heart of School Renewal*. Vancouver, WA: School Improvement Project.
- Martha Ellis. 2013. Successful Community College Transfer Students Speak Out. *Community College Journal of Research and Practice*. 37 (2):73–84.
- Muhammad Faizal, Norfariza, Husaina Banu, Saedah Siraj, Gary C. Crow, & Faisol Elham. 2013. Komuniti pembelajaran profesional menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari* 5(2): 27–52.
- Najah Nadiyah Amran, & Hamdi bin Ishak. 2017. Service-Learning bersama OKU: Pengalaman latihan industri pelajar FPI, UKM. *Jurnal Al-Turath* 2(1): 1–9.
- Najah Nadiyah Amran, Zainab Ismail, Maznah Ibrahim, Suria Baba, Maharam Mamat, Hamdi Ishak, & Norain Azlan. 2018. Impak pelaksanaan *Service-Learning* di universiti awam Malaysia.

- In Azhar Abdul Rahman, Raudlotul Firdaus Fatah Yasin, Noraini Ismail, Azlan Abd Aziz, Nor Azira Mohd Radzi, Majdah Chulan, Siti Hafawati Jamaluddin, & Jamalia Aurani (Eds.), *Dinamika Kefahaman dan Pemikiran Islam Semasa* (pp. 251–270). IIUM Press.
- Norain Azlan, Najah Nadiah Amran, & Hamdi Ishak. 2020. Amalan *Service-Learning* berdasarkan falsafah dan matlamat pendidikan dalam Islam. *Islāmiyyāt* 42(2): 23–33.
- Norain Azlan, Najah Nadiah Amran, & Hamdi Ishak. 2021. *Amalan Pembelajaran Service-Learning dalam Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norlaile Salleh Hudin, Juliana Osman, Suzyanty Mohd Shokory, & Hariyati Ab Wahid. 2018. Service-Learning in higher education: Evidence from Malaysia. *International Journal of Engineering & Technology* 7(30): 474–479.
- Paul Benneworth & David Charles. 2013. University–Community Engagement In The Wider Policy Environment. Dlm. *University Engagement with Socially Excluded Communities*. Dordrecht: Springer.
- Prasart Nuangchalem. 2014. Self-efficacy and civic engagement in undergraduate students: Empirical results of a Service-Learning program in Thailand. *International Journal for Service Learning in Engineering* 9(2): 150–156.
- Radecke, M. W. 2007. Service-Learning and faith formation. *Journal of College and Character* 8(5): 1–28.
- Rusydi Ramli. 2012. Pembantu (Khadam) Rasulullah SAW. In Ainun Najah Ali & Shakira Khairudin (Eds.), *Biografi Agung Rasulullah SAW* (pp. 132–133). Batu Caves, Selangor: Must Read Sdn Bhd.
- Seifer, S.D. & Connors, K. 2007. *Faculty Toolkit for Service-Learning in Higher Education*. National Service-Learning Clearinghouse.
- Sidek Baba. 2006. *Pendidikan Rabbani; Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam, Selangor: Karya Bestari Sdn Bhd.
- Siti Manisah, Zainudin, & Rudy. 2020. Benefits of Service-Learning for undergraduate students of education, Universiti Teknologi Malaysia. *Jurnal Kema* 18(I2), 22–31.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini. 2016. Akhlak Guru Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika*. 86 (2):31-42.
- Steinke, P. & Fitch, P. 2007. Assessing Service-Learning. *Research & Practice in Assessment* 2: 24–29.
- Syed Jalaluddin Umari. 1996. *The Concept of Social Service in Islam* (1st ed.). Jamia Darussalam: Islamic Research Institute.

NORAIN AZLAN  
Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS)

NAJAH NADIAH AMRAN\*  
Pusat Kajian Al-Quran dan As-Sunnah  
Fakulti Pengajian Islam, UKM

\*Pengarang untuk surat menyurat: [najah@ukm.edu.my](mailto:najah@ukm.edu.my)

Received: 7 October 2022 / Accepted: 22 November 2022 / Published: 9 December 2022